DENGAN JEMPUTAN SAHAJA: PROMOSI PENGGUNA BAHARU FPX HLB CONNECT 2026

(English Version)

Kemas Kini Terakhir pada 22 Oktober 2026

TEMPOH PROMOSI

"**Promosi Pengguna Baharu FPX HLB Connect 2026**" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLB Islamic**") (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 16 November 2026 dan berakhir pada 15 Jun 2027 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu sedia ada Bank yang dijemput, yang merupakan pengguna sedia ada HLB Connect ("**HLB Connect**") dan mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLB Islamic ("**CASA/CASA-i**") dengan Bank atau HLB Meezani Account-i dengan HLB Islamic dan/atau Kad Kredit HLB ("**Kad Kredit**") dengan HLB yang aktif dan sah (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").

2. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
   (a) pernah melakukan, atau Bank mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
   (b) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
   (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASA-i, HLB Meezani Account-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect ("**Terma dan Syarat yang Terpakai**") pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi, Pelanggan mesti menerima jemputan daripada Bank melalui e-mel dan/atau pemberitahuan tolak aplikasi Promosi ("**Pemberitahuan Promosi**"). Setelah menerima Pemberitahuan Promosi, Pelanggan mesti melog masuk ke HLB Connect mereka dan membuat sekurang-kurangnya dua (2) transaksi FPX dengan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) setiap transaksi menggunakan dana daripada CASA/CASA-i, HLB Meezani Account-i atau Kad Kredit mereka, mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Pemberitahuan Promosi.

(Pelanggan yang telah memenuhi keperluan berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausa 3 di atas selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").

4. Pelanggan yang Layak akan bertanding untuk memenangi pulangan tunai Ringgit Malaysia Lima (**RM5**) dan/atau pulangan tunai tambahan sehingga Ringgit Malaysia Lima Belas (**RM15**) ("**Pulangan Tunai**"), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Jadual 1: Pulangan Tunai untuk Transaksi FPX Pertama

Pulangan Tunai	Bulan Promosi	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai
Pulangan Tunai RM5 Transaksi FPX pertama ("**Transaksi FPX Pertama**")	**Bulan 1**: 16 November – 15 Disember 2026	• **2,700** Pelanggan yang Layak pertama bagi setiap Bulan Promosi yang membuat sekurang-kurangnya dua (2) **Transaksi FPX** (minimum RM10 setiap transaksi) mengikut tarikh yang dinyatakan dalam Pemberitahuan Promosi. Pelanggan yang Layak yang telah memenangi Pulangan Tunai di bawah kategori Transaksi FPX Pertama dalam mana-mana Bulan Promosi **TIDAK** layak menerima Pulangan Tunai yang sama di bawah kategori yang sama pada bulan-bulan berikutnya.	**RM13,500**
	Bulan 2: 16 Disember 2026 – 15 Januari 2027		**RM13,500**
	Bulan 3: 16 Januari – 15 Februari 2027		**RM13,500**
	Bulan 4: 16 Februari – 15 Mac 2027		**RM13,500**

Jadual 2: Pulangan Tunai untuk transaksi FPX tambahan yang dibuat dalam Bulan Promosi berikutnya

Pulangan Tunai	Bulan Promosi	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai
Sehingga Pulangan Tunai RM15 untuk transaksi FPX tambahan	**Bulan Promosi Pertama** Pelanggan yang Layak yang telah mengambil bahagian antara **16 November – 15 Disember 2026** boleh	**600** Pelanggan yang Layak pertama dalam setiap Tempoh Durasi yang membuat sekurang-	**RM9,000**

("**Pulangan Tunai Transaksi FPX Tambahan**")	membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi FPX dalam mana-mana Tempoh berikut: • **Tempoh 1:** 16 Disember 2026 – 15 Januari 2027 • **Tempoh 2:** 16 Januari – 15 Februari 2027 • **Tempoh 3:** 16 Februari – 15 Mac 2027	kurangnya satu (1) transaksi FPX (minimum RM10 setiap transaksi) akan mendapat **Pulangan Tunai RM5, dan Pulangan Tunai sehingga RM15** bagi kesemua Tempoh Durasi.	
	Bulan Promosi Kedua Pelanggan yang Layak yang telah mengambil bahagian antara **16 Disember 2026 – 15 Januari 2027** boleh membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi FPX dalam mana-mana Tempoh berikut: • **Tempoh 1:** 16 Januari – 15 Februari 2027 • **Tempoh 2:** 16 Februari – 15 Mac 2027 • **Tempoh 3:** 16 Mac – 15 April 2027		**RM9,000**
	Bulan Promosi Ketiga • Pelanggan yang Layak yang telah mengambil bahagian antara **16 Januari – 15 Februari 2027** boleh membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi FPX dalam mana-mana Tempoh berikut: • **Tempoh 1:** 16 Februari – 15 Mac 2027 • **Tempoh 2:** 16 Mac – 15 April 2027		**RM9,000**

	• **Tempoh 3:** 16 April – 15 Mei 2027		
	Bulan Promosi Keempat Pelanggan yang Layak yang telah mengambil bahagian antara **16 Februari – 15 Mac 2027** boleh membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi FPX dalam mana-mana Tempoh berikut: • **Tempoh 1:** 16 Mac – 15 April 2027 • **Tempoh 2:** 16 April – 15 Mei 2027 • **Tempoh 3:** 16 Mei – 15 Jun 2027		**RM9,000**

5. Semua Pelanggan yang Layak yang berjaya membuat dua (2) Transaksi FPX Pertama dalam Bulan Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 akan menerima jemputan dalam Tempoh Durasi yang berkaitan untuk menyertai Transaksi FPX Tambahan di bawah Jadual 2, tanpa mengira sama ada mereka memenangi Pulangan Tunai Transaksi FPX Pertama atau tidak.

6. Bagi Transaksi FPX Tambahan:
   (i) Pelanggan yang Layak boleh menerima Pulangan Tunai RM5 bagi setiap Tempoh Durasi 1, 2 dan 3 dalam Bulan Promosi Pertama, Bulan Promosi Kedua, Bulan Promosi Ketiga atau Bulan Promosi Keempat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di mana mereka membuat sekurang-kurangnya satu (1) transaksi FPX dalam setiap Tempoh Durasi tersebut.
   (ii) Pelanggan yang Layak boleh memenangi Pulangan Tunai sehingga maksimum RM15 bagi tiga (3) Tempoh Durasi dalam Bulan Promosi yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2, tertakluk kepada Kaedah Pemilihan Pemenang dan Peruntukan Pulangan Tunai yang dinyatakan dalam Jadual 2.

7. Untuk mengelakkan keraguan, kelayakan Pulangan Tunai akan dinilai secara berasingan bagi setiap Tempoh Durasi berdasarkan transaksi FPX yang dibuat dalam Tempoh Durasi masing-masing, tertakluk kepada Kaedah Pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 2.

   Senario berikut menunjukkan cara Pulangan Tunai boleh diperoleh di bawah Promosi ini:

   Senario 1
   - Pelanggan yang Layak melengkapkan dua (2) Transaksi FPX Pertama dalam Bulan Promosi 1 (16 November – 15 Disember 2026) dan seterusnya membuat sekurang-

kurangnya satu (1) transaksi FPX tambahan dalam Tempoh Durasi 1 (16 Januari – 15 Februari 2027) dan Tempoh Durasi 3 (16 Mac – 15 April 2027).

Transaksi Layak yang Dipenuhi	Pulangan Tunai
Bulan Promosi 1: Melengkapkan 2 transaksi FPX dalam kalangan 2,700 Pelanggan yang Layak pertama dalam Bulan Promosi 1	RM5 (Layak menyertai bulan berikutnya)
Tempoh Durasi 1: Membuat 1 transaksi FPX Tambahan dalam kalangan 600 Pelanggan yang Layak pertama dalam Tempoh Durasi 1	RM5
Tempoh Durasi 2: Tiada transaksi FPX Tambahan	RM0
Tempoh Durasi 3: Membuat 1 transaksi FPX Tambahan dalam kalangan 600 Pelanggan yang Layak pertama dalam Tempoh Durasi 3	RM5
Jumlah Pulangan Tunai	**RM15**

PENGUMUMAN PEMENANG & PENYELESAIAN PULANGAN TUNAI

8. Pemenang Pulangan Tunai ("**Pemenang Pulangan Tunai**") akan diterbitkan di http://www.hlb.com.my/fpxrewards ("**Laman Web Promosi**") dan akan dimaklumkan oleh Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah. Ia adalah tanggungjawab Pemenang Pulangan Tunai untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melawati Laman Web Promosi dan menyemak Pemberitahuan Aplikasi mereka pada tarikh yang ditetapkan.

Jadual 3: Pengumuman pemenang & pengkreditan Pulangan Tunai

Kategori Pemenang	Tarikh Pengumuman Pemenang	Tarikh Pengkreditan Pulangan Tunai
Bulan Promosi Pertama	5 April 2027	12 April 2027
Bulan Promosi Kedua	5 Mei 2027	10 Mei 2027
Bulan Promosi Ketiga	4 Jun 2027	9 Jun 2027
Bulan Promosi Keempat	5 Julai 2027	12 Julai 2027

9. Semua Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i, HLB Meezani Account-i atau Kad Kredit Pemenang Pulangan Tunai, yang mana berkenaan, pada tarikh yang ditetapkan seperti Jadual 3 di atas. Oleh itu, Pemenang Pulangan Tunai mesti mengekalkan CASA/CASA-i, HLB Meezani Account-i dan/atau Kad Kredit yang aktif dan sah sehingga pengkreditan Pulangan Tunai berjaya, sekiranya gagal Pulangan Tunai akan dibatalkan.

10. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank berkenaan Pulangan Tunai yang tidak diterima **sebelum 1 Ogos 2027**, sekiranya gagal Pemenang

Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai. Sebarang tuntutan untuk pembayaran balik **selepas 1 Ogos 2027** tidak akan diproses.

11. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan hadiah jenis lain, kredit pendahuluan, cek atau manfaat barangan.

12. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam pemberian Pulangan Tunai disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka dan di luar kawalan munasabah Bank.

AM

13. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan:
    (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
    (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat;
    (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
    (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama dan nombor telefon kepada mana-mana penyedia perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
    (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor telefon bimbit dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Kecuali bagi kerugian yang timbul secara langsung daripada keingkaran sengaja dan kecuaian melampau Bank, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak. Selain itu, Bank tidak bertanggungjawab ke atas SMS dan/atau e-mel yang tidak dapat disampaikan disebabkan oleh butiran hubungan yang diberikan tidak tepat atau peristiwa di luar kawalan munasabah Bank;
    (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi mereka (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) bagi tujuan pengumuman Pemenang Pulangan Tunai tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
    (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
    (viii) bersetuju bahawa sebarang Pemberitahuan Aplikasi, SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk

menerima SMS dan/atau e-mel dan/atau ketersediaan serta kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih/internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai kawalan ke atas peristiwa di luar kawalan munasabahnya, seperti:

(a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkenaan; dan/atau

(b) e-mel terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak;

(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelewatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel daripada Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Bank tidak akan memproses sebarang rayuan bagi kelewatan atau kegagalan yang disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian yang berada di luar kawalan munasabah Bank;

(ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan

(x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

14. Bank berhak:

(i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan di Laman Web Promosi;

(ii) membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan

(iii) untuk menarik balik Pulangan Tunai sekiranya terdapat sebarang penipuan dan/atau pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai.

15. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

16. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

17. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

18. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan yang tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM).

Produk CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

HLB Meezani Account-i tidak dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini dan/atau memerlukan salinan dalam versi Bahasa Inggeris, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.

If you have any enquiries regarding these T&Cs and/or require a copy of the English version, please email us at hlonline@hlbb.hongleong.com.my or call 03-7626 8899.